

Rosmah mahu ahli Bakti buat kebajikan

UM - 22/3/2007

PETALING JAYA 21 Mac — Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor meminta setiap ahli Badan Amal Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) lebih komited memperjuangkan isu kebajikan masyarakat.

Beliau yang juga Pemangku Yang Dipertua Bakti berkata, badan itu hanya boleh menjadi institusi cemerlang jika setiap ahlinya menyokong aktiviti kebajikan yang dijalankan.

“Perlu diingatkan kejayaan sesebuah persatuan sangat bergantung kepada sokongan padu dan kerjasama setiap ahlinya.

“Oleh itu, saya berharap setiap ahli Bakti akan terus memberikan sokongan, kerjasama, komited dan melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti yang dianjurkan,” katanya.

Beliau berucap pada Mesyuarat Agung Bakti ke-30 yang dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Rafiah Salim di sini, hari ini.

Rosmah juga berkata, se-

tiap ahli Bakti mempunyai status yang sama walaupun kedudukan atau jawatan suami masing-masing berbeza dalam kerajaan.

“Ingin saya tegaskan bahawa status setiap ahli Bakti adalah sama tanpa mengambil kira kedudukan suami.

“Sejajar dengan prinsip ini, sikap menghormati di antara satu sama lain adalah penting bagi memastikan aktiviti yang dirancang berjalan lancar,” kata beliau.

Beliau juga mengingatkan ahli Bakti agar sentiasa menjaga imej diri terutama ketika berada di khalayak ramai memandangkan mereka juga merupakan isteri kepada pemimpin negara.

Katanya, sebagai isteri kepada pemimpin negara, setiap daripada mereka akan sering menjadi perhatian umum.

“Oleh itu sudah menjadi tanggungjawab kita termasuk diri saya agar sentiasa menampilkan imej diri yang baik demi memastikan masyarakat akan sentiasa hormat kepada setiap ahli Bakti,” katanya.



ROSMAH Mansor, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Rafiah Salim (duduk, dua dari kiri) bergambar bersama ahli-ahli Bakti selepas Mesyuarat Agung Bakti ke-30 di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur, semalam.